

DATE: 9 AUGUST 2024

PUBLICATION: KOSMO

HEADLINE: MALAYSIA DALAM KEDUDUKAN BAIK HADAPI KEMELESETAN EKONOMI AS

Malaysia dalam kedudukan baik hadapi kemelesetan ekonomi AS

KUALA LUMPUR – Malaysia kini dilihat berada pada kedudukan baik dalam mendepani risiko kemelesetan ekonomi yang dijangka berlaku di Amerika Syarikat (AS) dalam tempoh masa terdekat, antaranya berdasarkan buhungan rapatnya dengan China.

Penasarah Urusan Capital Dynamics Sdn. Bhd., Tan Teng Boo berkata, terdapat beberapa indikator jelas yang menunjukkan AS sedang menuju ke arah kemelesetan, situasi yang mengakibatkan kejatuhan besar di pasaran saham utama Asia pada awal minggu ini.

"Antara indikator yang kurang popular, namun telah terbukti dan boleh dipercayai ialah Sahm Rule, yang memberitahu kemelesetan AS berlaku apabila purata pergerakan tiga bulan kadar pengangguran AS ialah 0.5 mata peratusan atau lebih di atas titik terendah dalam tempoh 12 bulan lalu.

"Nilai ambang ini telah diatasi pada Jumaat lalu, 2 Ogos 2024 apabila kadar pengangguran AS merekodkan 4.9 peratus, dengan bacaan Sahm Rule mencecah 0.53 mata pada Julai 2024.

"Hampir semua indikator



TAN TENG BOO

memberitahu bahawa AS kini berdepan kemelesetan ekonomi," katanya pada sesi bersama media di ibu pejabatnya di sini, semalam.

Pada masa sama, beliau bersagapan hubungan rapat Malaysia dengan China mampu memberi kelebihan signifikan sekiranya AS mengalami kemelesetan.

Tambahnya, langkah Perdana Menteri yang memohon untuk menyertai BRICS, iaitu pakatan melibatkan Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan merupakan langkah bijak ke arah

“

Hampir semua indikator memberitahu bahawa AS kini berdepan kemelesetan ekonomi.”

dasar tuar yang lebih seimbang.

"Melihat kepada struktur eksport Malaysia, 70 peratus daripadanya melibatkan pasaran Asia, hanya 14 peratus ke pasaran Amerika dan 94 peratus ke Eropah.

"Perlu diingat China juga sangat bergantung kepada eksport dan sekiranya pasaran global mengalami kemelesetan, ia perlu meningkatkan perbelanjaan pada peringkat domestik, yang memberi kita peluang untuk mengeksport lebih banyak ke sana.

"Syarikat China juga menggemari Malaysia kerana terdapat persamaan dari segi budaya dan buhungan politik yang rapat, malah dengan membuka perniagaan di sini, mereka boleh turut mengeksport ke AS, mengambil kira hubungan antara AS dan China yang kompleks," ujarnya.